

10/05/2002

Ketegasan Mahathir usaha satukan Melayu

ullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Syarahan perdana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai 'Palestin dan Kemanusiaan' malam tadi, dilihat oleh pemimpin politik baik dari parti kerajaan, mahupun pembangkang, sebagai usaha ke arah penyatuan umat Islam dan masyarakat Melayu secara menyeluruh.

Ketegasan Perdana Menteri itu juga dianggap sebagai bukti keberanian dan ketegasan Malaysia bersuara dalam mengutuk keganasan Israel, sehingga beliau menyifatkan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon sebagai bukan manusia, tetapi binatang.

Tokoh veteran yang juga Pengerusi Tetap Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata ucapan Perdana Menteri malam tadi sangat bagus dan ia menunjukkan kepada dunia pendirian tegas dan berani pemimpin Malaysia itu.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir, beliau berkata, peringatan penting yang disampaikan Perdana Menteri ialah 'kita jangan cari banyak musuh, tetapi carilah kawan yang ramai.'

"Saya harap majlis malam tadi akan membuka jalan kepada masyarakat Melayu amnya dan umat Islam khususnya, termasuk dari Pas dan Umno supaya bersatu. Kita boleh berbeza pendapat dari segi politik, namun kita perlu bersatu dalam menghadapi isu membabitkan masyarakat Islam, termasuklah isu Palestin," katanya ketika dihubungi hari ini.

Dr Mahathir dan presiden Pas Datuk Fadzil Noor berucap mengenai masalah Palestin pada majlis syarahan yang disaksikan 3,000 orang, termasuk ahli Umno dan Pas itu. Majlis itu yang dianjurkan bersama Abim dan DBP turut disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia.

Seorang pemimpin kanan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata ucapan Perdana Menteri malam tadi sebenarnya membawa mesej yang amat penting kepada seluruh bangsa Melayu, walaupun yang menjadi tajuk syarahan ialah Palestin dan kemanusiaan.

Naib Presiden Umno itu berkata, apa yang lebih penting di sebalik ucapan Dr Mahathir ialah pentingnya orang Melayu membuat persiapan untuk meningkatkan diri ke arah menjadi bangsa yang maju, supaya sesuai dengan cita-cita Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju.

Katanya, Perdana Menteri mengambil contoh bagaimana orang Israel yang jumlahnya hanya empat juta boleh memperlekehkan 230 juta orang Arab, kerana bangsa Arab sendiri kurang bersedia dari segi minda, sehingga sewenang-wenangnya rejim Tel Aviv itu memalukan mereka.

"Ucapan Perdana Menteri itu adalah ingatan kepada bangsa Melayu, jika mereka mahu menjadi bangsa dihormati, mereka perlu memberi tumpuan kepada usaha memajukan diri.

"Jika orang Umno dan Pas asyik bercakaran, ia boleh menyebabkan orang Melayu terus ketinggalan kerana tidak dapat memberi tumpuan kepada usaha memajukan diri," katanya.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, pula menganggap kehadiran Dr Mahathir dan Fadzil di atas pentas yang sama untuk menyampaikan syarahan perdana mengenai isu Palestin sebagai tanda kesanggupan pemimpin kedua-dua parti untuk bersatu dan bekerjasama, jika timbul sesuatu isu yang melampaui kepentingan kepartian.

"Walaupun kedua-dua parti itu berbeza pandangan dan perjuangan politik, pemimpin tertinggi kedua-dua parti bersetuju untuk bekerjasama menangani isu yang membabitkan masa depan Islam dan umatnya," katanya.

Di ALOR STAR, Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Badruddin Amiruddin berkata, umat Islam di negara ini harus mengetepikan fahaman politik untuk

membantu rakyat Palestin yang ditindas Israel.

Katanya, seruan Perdana Menteri supaya umat Islam termasuk ahli Umno dan Pas bersatu dalam menyusun strategi bagi mendapatkan sokongan masyarakat antarabangsa untuk memberi tekanan kepada Israel, harus disokong umat Islam di seluruh negara.

"Dalam perang, kita mesti ada strategi. Satu daripadanya ialah kita mesti bersatu. Tiada gunanya jika umat Islam hanya boleh berdemonstrasi mengutuk kekejaman Israel tetapi tidak bersatu.

"Umno dan Pas adalah parti politik tetapi aspek perpaduan untuk menentang kezaliman Yahudi adalah tanggungjawab semua umat Islam," katanya.

Di BATU PAHAT, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, menyifatkan saranan Perdana Menteri supaya ahli Umno dan Pas bersatu bagi menangani isu Palestin sebagai satu pendekatan padu.

Katanya, Orang Islam di Malaysia perlu kuat dan bersatu sebelum mengajak rakan seagama di seluruh dunia untuk sama-sama memerangi keganasan Israel.

Di KUANTAN, Ketua Penerangan Badan Perhubungan Umno, Mohd Sharkar Shamsuddin, berkata Umno Pahang menyambut baik langkah kerjasama antara Umno dan Pas dalam menentang keganasan Israel.

Beliau berkata, langkah Dr Mahathir dan Fadzil menyampaikan syarahan bersama mengenai isu Palestin perlu dicontohi semua pemimpin parti politik pada peringkat negeri.

"Bagaimanapun ia perlu disertai keikhlasan di kalangan pemimpin parti politik terbabit, supaya ia dapat melahirkan hasil lebih berkesan bagi menangani pelbagai isu keganasan, sama ada di peringkat negara, mahupun antarabangsa," katanya.

Di KANGAR, pemimpin Umno dan Pas sependapat rakyat Malaysia tanpa mengira fahaman politik, bangsa dan agama perlu bersatu mencari strategi membantu rakyat Palestin.

Ketua Penerangan Umno negeri, Abu Bakar Ismail, berkata kesediaan pemimpin Umno dan Pas 'duduk semeja' dalam menangani isu Palestin malam tadi melakar sejarah tersendiri dan wajar diteruskan dalam perbincangan isu lain pada masa depan.

"Saya cukup bersetuju pandangan Perdana Menteri bahawa umat Islam di negara ini perlu bersatu dulu sebelum mencadangkan supaya orang lain termasuk OIC (Pertubuhan Persidangan Islam ) bersatu dalam isu ini,," katanya.

Ketua Pemuda Pas negeri, Zolkharnain Abidin, pula bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa Pas dan Umno perlu bekerjasama membantah tindakan Israel.

Di KOTA KINABALU, Setiausaha BN Sabah, Datuk Karim Bujang, berkata pertemuan dua pemimpin tertinggi Umno dan Pas pada majlis syarahan berkenaan adalah petanda baik dalam usaha mengukuhkan ukhwah Islamiah di kalangan pemimpin Islam di negara ini.

Ia juga katanya, membuka lembaran baru dalam sejarah hubungan politik di negara ini apabila pemimpin kerajaan dan pembangkang yang beragama Islam dapat sama-sama hadir bagi membincangkan masa depan ummah.

Di KUCHING, Kerajaan Sarawak mengumumkan akan menyertai Kerajaan Pusat, menyatukan umat Islam di seluruh negeri itu untuk menentang kekejaman Israel di bumi Palestin.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata kerajaan negeri bersedia menyahut seruan Dr Mahathir supaya umat Islam bersatu menentang kekejaman Israel terhadap Palestin.

(END)